

DITERIMA

JURNAL TASAWWUR ISLAM

JILID 5

OGOS 2002 / JAMADILAKHIR 1423H

Kata Pengantar
Sidang Pengarang



1. PERANAN ULAMA 'DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI KELANTAN: SUATU KAJIAN KHUSUS DI ANTARA TAHUN 1940 HINGGA 1990
(Oleh Prof.Madya Dr. Asiah Ali)

1



2. PENDIDIKAN DARI PERSPEKTIF ISLAM:UiTM MENGHADAPI ALAF BARU
(Oleh Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff)

11



3. WANG DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN KONVENTSIONAL
(Oleh Ezani Yaakub)

24



4. KESINAMBUNGAN AJARAN AGAMA ISLAM SAMAWI-MENURUT PERSPEKTIF OLD TESTAMENT, NEW TESTAMENT DAN THE LAST TESTAMENT (AL-QURAN)
(Oleh Ghafarullahhuddin Hj. Din)

48



5. SENI BINA MASJID DI MALAYSIA
(Oleh Fairuzah Hj. Basri)

61



6. PRINSIP DAN ETIKA ISLAM DALAM PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR
(Oleh Mohd Nor Mamat)

71



7. KEPERLUAN PENGURUSAN MAKLUMAT SECARA ISLAM
(Oleh S.Salahuddin Suyurno)

82

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Pusat Pendidikan Islam
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM



**PERANAN ULAMA' DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM
DI NEGERI KELANTAN: SUATU KAJIAN KHUSUS
DI ANTARA TAHUN 1940 HINGGA 1990**

(Oleh: Prof. Madya Dr. Asiah Ali)

ABSTRAK

Penulisan ini menyentuh tentang institusi-institusi pendidikan Islam di Kelantan di samping mengetengahkan ketokohan serta peranan ulama' di negeri tersebut sekitar tahun 1940 – 1990. Tidak ketinggalan juga disertakan beberapa saranan bagaimana sistem pendidikan Islam di Kelantan khususnya dan di negeri-negeri lain amnya boleh diperkemaskan lagi bagi membolehkannya menghadapi cabaran semasa.

Pendahuluan

Negeri Kelantan terkenal dengan gelaran negeri "Serambi Mekah". Ini melambangkan Islam amat kuat dihayati oleh rakyat dan pemerintah di negeri ini. Kelantan telah beberapa kali menjalankan hukuman mengikut al-Qur'an seperti di zaman pemerintahan Sultan Ahmad tahun 1986 hingga 1889 Masehi dan Sultan Mansor tahun 1890 hingga 1900 Masehi. Begitu juga Sultan Muhammad II yang memerintah antara tahun 1837 hingga 1886 Masehi. Pedagang-pedagang dari negeri Arab, Parsi dan Gujerat yang datang ke negeri ini berperanan sebagai pendakwah seperti Tok Khurasan seorang ulama' terkenal yang hidup antara tahun 1875 hingga 1944 Masehi. Raja-raja dan pihak istana memainkan peranan dalam memantapkan keislaman negeri ini. Tidak kurang juga peranan institusi pentadbiran Islam di negeri ini seperti Majlis Agama Islam Kelantan, Yayasan Islam Kelantan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan yang memberi sumbangan ke arah itu.

Institusi-Institusi Pendidikan Islam Di Negeri Kelantan

Institusi-institusi Pendidikan Islam yang wujud di negeri Kelantan antara tahun 1940 hingga 1990 adalah seperti berikut:

- a) Institusi pondok,¹ ia bermula dari pengajian yang dilakukan secara bergotong-royong oleh masyarakat. Masyarakat Melayu tradisi merupakan masyarakat yang bersatu padu dan sentiasa hidup dalam keadaan aman damai dan hidup bergotong-royong. Pada amnya masyarakat setempat mempunyai pandangan bahawa orang yang belajar di pondok lebih baik akhlaknya dan sentiasa dihormati. Populariti sesebuah institusi pengajian pondok adalah terletak kepada kewibawaan guru-guru yang mengajar di situ. Daripada penyelidikan yang dibuat didapati bahawa matlamat penubuhan pondok tidak berdasar kepada dorongan kebendaan tetapi berdikari untuk mendidik masyarakat serta menyebarkan ilmu pengetahuan.
- b) Dilihat kepada matlamat penubuhan pondok-pondok di antaranya ialah untuk melahirkan ulama' yang berkemampuan memahami isi kandungan kitab-kitab lama dalam berbagai ilmu serta bertanggungjawab dan berkemampuan sebagai mualigh, pendakwah, imam dan kadi. Begitu juga untuk melahirkan cerdik pandai dalam bidang agama serta memahami perkembangan ilmu pengetahuan dan masyarakat semasa. Di samping itu juga sebagai penyambung tugas-tugas ulama' pondok terdahulu.
- c) Institusi pendidikan pondok serta ulama'nya menjadi pemangkin kepada kemajuan pendidikan Islam di negeri ini serta membentuk sikap rakyat terhadap keilmuan serta keagamaan. Kedua-dua geografi negeri dan faktor-faktor sejarah memberi sumbangan besar kepada nilai hidup, falsafah dan cita-cita rakyat negeri Kelantan.
- d) Institusi pondok mulai mengalami kemerosotan apabila kedatangan penjajah Barat di mana masyarakat mula menumpukan perhatian kepada sistem pendidikan berbentuk sekolah. Faktor kematian tuan-tuan guru pondok yang berwibawa dan tiada pengganti serta kelemahan pengurusan pondok menyebabkan institusi pondok kurang mendapat perhatian masyarakat.
- e) Selain daripada institusi pondok, masjid juga menjadi institusi pendidikan terpenting di negeri Kelantan suatu ketika dahulu. Sistem *halaqah* yang berjalan di Masjid Muhammadi dalam tahun-tahun 1920'an begitu rancak berjalan disertai dengan ramainya tenaga-tenaga ulama' yang memberi sumbangan keilmuan masing-masing. Awal

¹ Abdul Latif Hamidon 'Institusi' Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu' *Tamadun Melayu, Jilid II*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hal. 772.

tahun 1940'an, sistem ini mulai mengalami kemerosotan. Akhirnya sistem ini tidak lagi berjalan hingga kini.²

- f) Sistem pendidikan berbentuk sekolah mulai mendapat sambutan dari masyarakat di awal tahun 1940'an. Sistem persekolahan ini dirasakan lebih teratur dan tersusun. Sebagai contoh penubuhan Ma'ahad Muhammadi pada tahun 1937 adalah bertujuan untuk menggabunggalinkan antara mata pelajaran agama dan akademik. Sehingga kini sekolah ini telah berjaya melahirkan puluhan profesional dan ulama' sama ada yang terlibat dalam bidang kemasyarakatan, politik dan sebagainya.
- g) Begitu juga dengan Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam. Ianya telah berjaya melahirkan graduan yang berperanan dan memberi sumbangan ilmiah kepada masyarakat dan negara, terutama dalam bidang pendidikan dan pengajian tinggi Islam. Tujuan penubuhannya untuk menyediakan segala jenis ilmu pengetahuan Islam dan ilmu-ilmu pengetahuan umum yang berasaskan Islam.

Ketokohan Ulama' Dalam Bidang Pendidikan Islam Di Kelantan Antara Tahun 1940 Hingga 1990

Selain daripada institusi-institusi pendidikan yang menjadikan Kelantan mendapat jolokan negeri "Serambi Mekah", di negeri ini juga berkumpulnya para alim ulama' yang sentiasa berperanan menanam kesedaran Islam kepada masyarakat. Merekalah yang berperanan mengisi minda masyarakat dengan pengetahuan dan pemikiran yang betul. Mereka juga berperanan membentuk masyarakat yang beriman dan bertakwa serta bertanggungjawab kepada negerinya. Mereka telah melahirkan ramai pelajar di luar negeri Kelantan yang berperanan di tempat masing-masing sebagai penyebar ilmu-ilmu Islam.

Hasil daripada analisis terhadap ulama' negeri Kelantan yang berperanan dalam bidang pendidikan Islam antara tahun 1940'an hingga 1990'an dapatlah disimpulkan seperti berikut, iaitu period 1940'an, Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad. Beliau dilahirkan dari keluarga beragama dan mempunyai latarbelakang agama yang kukuh. Ayahnya Haji Ahmad bin Mohd. Zin merupakan orang yang begitu berminat dengan ilmu agama. Ibunya pula bertugas mengajar al-Qur'an kepada kaum wanita dan kanak-kanak masyarakat

² Abdul Razak Mahmud '*Halaqat kitab di Masjid Muhammadi*', Dalam Warisan Kelantan XIII, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Jalan Hospital Kota Bharu Kelantan, 1994, hlm.2.

setempat. Adunan daripada kehidupan beragama sepasang suami isteri ini telah berjaya mengasuh dan mendidik serta mendorong anak mereka Haji Abdullah Tahir menjadi seorang ulama' yang terkenal dan telah berjaya melahirkan para pelajar yang berjaya menjadi ulama' dewasa ini. Sebagai seorang bapa, Haji Abdullah Tahir seorang yang tegas dalam hal keagamaan anak-anak. Sehingga bakal suami anak-anak perempuan, beliaulah yang menentukannya. Haji Abdullah Tahir menjadi perintis kepada penubuhan "Jabhatul Ulama' Al-Diniah" di negeri Kelantan. Tujuan penubuhannya untuk menyatukan para ulama' dalam menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah di negeri Kelantan.³

Tuan Haji Abdullah Tahir merupakan murid Tok Kenali yang berjaya membuka pondok yang terbesar di negeri Kelantan di zamannya. Beliau juga seorang ulama' yang berjaya mendidik pelajar-pelajarnya sehingga lahir ramai ulama' generasi kedua iaitu dalam era abad ke dua puluh. Ramai di kalangan bekas pelajarnya apabila balik ke tempat dan negeri masing-masing berjaya mengembangkan institusi pendidikan Islam mengikut tahap dan kemampuan mereka.

Tokoh ulama' yang mewakili period 1950'an ialah **Tuan Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail (Tok Kemuning)**. Beliau dilahirkan di Mekah semasa ibubapanya ke Mekah untuk memunaikan ibadah Haji dan menuntut ilmu ibunya, Hajah Mek Tok meninggal dunia tidak beberapa lama kemudian, tinggallah beliau dalam asuhan bapanya Tok Kemuning. Semenjak kecil lagi beliau telah diasuh bapanya menghafaz al-Qur'an, bahasa Arab dan kitab-kitab agama. Sebagai seorang bapa, Tuan Haji Alunad Maher menanam sikap berdikari kepada anak-anak. Beliau merupakan seorang bapa yang tegas dalam mendisiplinkan anak-anak. Dalam bidang pelajaran beliau lebih cenderung mengikut minat anak-anak. Oleh itu anak-anaknya tidak memilih jurusan agama dalam sistem pendidikan formal mereka.

Tuan Haji Ahmad Maher seorang ulama' yang prihatin dengan suasana masyarakat beragama. Beliau sering membuat lawatan ke masjid-masjid setiap hari Jumaat. Beliau banyak membuat pembaharuan dalam pentadbiran agama Islam di Kelantan. Beliau telah berjaya mewujudkan jawatan Penyelia Agama, mengadakan jawatan setiausaha kepada Mufti, menambah bilangan Kadi dari lapan orang kepada empat belas orang sebagaimana yang ada sekarang ini. Tuan

³ Temubual penulis dengan Puan Nazirah binti Haji Abdullah Tahir, pada 24 Mei 1995, di kediaman beliau di Lot. 1399 Jalan Sekolah Kebangsaan Bunut Payong, 15150 Kota Bharu, Kelantan.

Haji Ahmad Maher juga satu-satunya tokoh agama yang pernah dilantik sebagai Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Kelantan.⁴

Tuan Haji Ahmad Maher merupakan seorang ulama', yang mempunyai kewibawaan dalam bidang pentadbiran agama di negeri Kelantan dan ulama' yang mahir dengan ilmu alat. Beliau juga seorang ulama' yang banyak memberi sumbangan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan sehingga beliau telah berjaya menerbitkan buku '*Pedoman Kebangsaan dan Perlembagaan Negeri*'. Buku ini banyak memuatkan pandangan politik beliau mengenai soal-soal kenegaraan, undang-undang serta hak dan tanggungjawab sebagai rakyat. Beliau juga berjaya mengupas idea-idea politik di peringkat antarabangsa.

Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim tokoh ulama' yang dipilih mewakili period 1960'an. Beliau dikenali sebagai Syeikh Noor Penambang oleh penduduk setempat dan kawan-kawan yang mengenalinya. Ayah beliau ialah Haji Ibrahim bin Yusuf lebih termasyhur dengan panggilan Haji Ibrahim Tok Raja. Beliau adalah Mufti Kerajaan Kelantan antara tahun 1927 hingga 1941. Ibu beliau Zainab berketurunan daripada Syeikh Abdul Halim yang menjadi pelopor pengajian Islam di Kelantan. Sebagai anak yang hidup dalam keluarga berketurunan ulama' beliau dididik dalam asuhan keagamaan. Beliau termashyur sebagai seorang ulama' yang pakar dalam bidang qira'at, falaq, tafsir dan usuluddin. Beliau merupakan ulama' Malaysia yang pertama membuat pembaharuan dalam pengajian tafsir. Penterjemahannya tepat, jelas dengan ulasan yang dikaitkan dengan sejarah, akidah serta falsafah-falsafah⁵.

Beliau merupakan tokoh ulama' yang membawa pendekatan baru dalam pengajian ilmu Usuluddin, selaras dengan tuntutan dan cabaran-cabaran dalam mempertahankan kemurnian akidah Islam. Ini jelas dapat dilihat dalam kitab-kitab '*Mustika Hadith*' tulisan beliau yang mengolah persoalan-persoalan keimanan yang ada kaitannya dengan suasana semasa. Beliau tidak terikat dengan cara pendekatan teks klasik dalam pengajian Usuluddin yang menjadi ikutan masyarakat Melayu sebelum ini. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa populariti kitab tafsir '*Pimpinan Al-Rahman*', karangan Syeikh Abdullah Basmih disebabkan beliau adalah salah seorang penyemak/penyuntingnya (pentashih).

⁴ Abdul Razak bin Muhammad, Yang DiPertua Majlis sejak 1915, dalam *Pengasuh Bil. 516, keluaran Diseber 1991, Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, 1991*, hlm. 5.

⁵ Temubual dengan Haji Muhammad bin Haji Yusuf, pada 1 Jun, 1995.

Tuan Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim ialah ulama' yang menjadi tokoh pembaharuan dalam pengajian Usuluddin yang menjadi salah satu pencetus kepada kebangkitan Islam di Malaysia.

Ustaz Haji Hassan bin Haji Idris dipilih sebagai ulama' yang mewakili period 1970'an berdasarkan kepada peranan dan sumbangan beliau dalam melakukan reformasi terhadap sistem pendidikan Islam di negeri Kelantan. Beliau sentiasa mengasah penanya untuk menyebarkan maklumat Islam kepada masyarakat di Kelantan sama ada melalui majalah '*Pengasuk*' dan risalah-risalah yang diedarkan melalui Majlis Agama Islam Kelantan. Beliaulah tokoh ulama' yang membuat kaedah baru mempelajari Bahasa Arab seperti memperkenalkan metod mempelajari Bahasa Arab menerusi analisis kata-kata ayat al-Qur'an.

Beliau juga banyak membuat pembaharuan dalam penyusunan semula kurikulum sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan untuk memberi nafas baru kepada perkembangan sekolah-sekolah agama di negeri ini yang mengalami kemerosotan dalam tahun enam puluhan. Kurikulum baru yang bersifat serampang dua mata bagi melayakkan pelajar-pelajar sekolah agama melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan dan luar negeri terutama ke Timur Tengah.

Hasil daripada kurikulum yang dilaksanakan pada tahun 1971 telah berjaya melahirkan ramai cendikiawan muslim yang terdiri daripada golongan profesional, ulama' dan pentadbir-pentadbir muslim terutama di institusi-institusi agama di seluruh negara. Sebagai pendakwah beliau mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam mendidik individu dan masyarakat kepada Islam. Berpandukan kepada tulisan dan temubual dengannya, penulis dapat simpulkan bahawa pendekatan dakwah beliau bersifat memujuk dan tidak bersifat menghukum. Ini selaras dengan perwatakan beliau yang sederhana. Beliau juga seorang pendidik yang sentiasa menaruh harapan agar anak didiknya menjadi manusia yang berguna dan berbakti kepada masyarakat dan agama serta selamat di dunia dan akhirat.

Tuan Haji Hassan bin Haji Idris ialah tokoh ulama' yang telah melakukan reformasi terhadap sistem pendidikan Islam di negeri Kelantan dalam era tujuh puluhan serta melakukan pembangunan semula persekolahan agama di negeri tersebut.⁶

⁶ Muhammad bin Yunan, *Biografi Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan tahun 1979 hingga 1988*, Yayasan Islam Kelantan, Kota Bharu, 1988, hlm. 21.

Ustaz Haji Muhammad bin Haji Yusuf ialah ulama' yang mewakili era 1980'an. Beliau seorang ulama' yang terlibat secara langsung dengan kerjanya sebagai guru. Beliau dipilih sebagai tokoh pendidik Yayasan Islam Kelantan pada tahun 1986. Seorang guru yang berpengalaman dan sangat diminati oleh pelajar. Beliau juga seorang bapa yang tegas mendisiplinkan anak-anak. Walaupun beliau tidak banyak bercakap dengan anak-anak, isteri beliaulah yang berperanan menyampaikan teguran kepada anak-anak.

Beliau seorang ulama' yang menjadi pakar rujuk dalam semua bidang keilmuan Islam seperti ilmu Falak, Fekah, Usuluddin dan Hadith bagi masyarakat Islam di negeri Kelantan. Ustaz Haji Muhammad menganggotai Jamaah Ulama' Negeri Kelantan mulai bulan Mei 1960 sehingga kini. Beliau adalah seorang guru yang berpengalaman serta berwibawa. Beliau juga menjadi tempat rujukan kepada permasalahan hukum. Seorang ulama' yang warak sehingga beliau diberi gelaran Tuan Haji Muhammad Syurga oleh pelajar-pelajarnya dan masyarakat setempat.

Sejarah masyarakat Islam mempunyai kaitan dengan kemunculan ulama' dan pendakwah yang mempunyai pengetahuan asas tentang Islam. Perkembangan Islam di Malaysia umumnya dan di Kelantan khususnya berkait rapat dengan kemunculan ulama' seperti Sheikh Abdul Halim yang dikatakan orang yang mula-mula mengajar pendidikan Islam di Kelantan, Tok Wan Ali Kutan, Tok Pulai Condong, Tuan Tabal, Tok Bachok, Tok Kemuning, Tok Kenai bahkan puluhan ulama' yang muncul selaras dengan perkembangan sejarah dan tuntutan masyarakat.

Interaksi antara ulama' atau tokoh agama dengan pemerintah dan interaksi mereka dengan masyarakat menerusi program-program pengajaran di pondok, masjid dan surau begitu menonjol di negeri ini.

Umumnya kebangkitan dan kemunculan ulama' dalam masyarakat di sini adalah menjadi realiti sosial itu yang sudah lama diresapi oleh kesedaran Islam, walaupun mereka tidak semestinya dilengkapi oleh pengetahuan dan kesedaran Islam yang lengkap dan sempurna. Sebagai ahli masyarakat yang cenderung terhadap keperluan hidup yang berdasarkan agama, mereka bersikap positif terhadap ulama' atau Tok Guru. Dengan kata lain masyarakat di negeri Kelantan masih memberi ruang dan kepercayaan kepada ulama' untuk menjadi pemimpin mereka. Pada pandangan mereka ulama' adalah orang yang beramanah dan bertanggungjawab untuk membangun dan mengatur masyarakat mengikut landasan keagamaan.

Saranan-Saranan

Perkembangan dan tuntutan kemajuan pendidikan hari ini maka institusi pondok hendaklah menyusun kurikulum yang selaras mengikut tahap-tahap pengajian dan digunakan oleh semua pondok yang ada khususnya di negeri Kelantan. Kurikulum tersebut hendaklah dimasukkan juga ilmu yang berhubung kait dengan teknologi maklumat dan juga bahasa Inggeris. Ia adalah bagi memastikan lepasan pondok mampu menguasai ilmu-ilmu Islam secara menyeluruh serta menguasai kemahiran penggunaan teknologi maklumat.

Adalah disyorkan kepada kerajaan negeri Kelantan agar mewujudkan Institusi Pengajian Tinggi Pondok (bertaraf universiti) agar pelajar-pelajar lulusan pondok dari seluruh negara dapat menyambung pelajaran di sana. Dengan ini Kelantan akan dapat mengekalkan kedudukannya sebagai negeri yang mengumpul tenaga ulama' alaf baru bagi menangani persoalan dunia semasa.

Sepanjang pengalaman penulis membuat lawatan ke pondok-pondok dapat dirumuskan bahawa kebanyakan guru-guru pondok mempunyai sikap sedia berkorban untuk mencerahkan ilmu dan memberi khidmatnya kepada pelajar dan masyarakat tanpa menghiraukan kepentingan diri dan kesenangan keluarga. Adalah dicadangkan agar pengurusan pondok mengadakan elauan atau gaji yang tetap dan setimpal dengan keperluan semasa guru-guru yang mengajar pondok-pondok.

Masjid Muhammadi atau Masjid Besar Kota Bharu adalah tidak asing kepada penduduk Semenanjung pada tahun 1920'an. Dalam jangka waktu tersebut ia bukan sahaja berperanan sebagai rumah ibadah sahaja bahkan ia terkenal dengan program pengajian *halaqah* yang menerima kedatangan pelajar dari seluruh Tanah Melayu. Ramai tenaga ulama' yang berkebolehan dan berwibawa dalam berbagai bidang ilmu Islam. Setelah program *halaqah* ini dipindahkan ke Jami' Merbau Al-Ismali pada penghujung tahun 1930'an maka sistem ini telah berakhir. Penulis mencadangkan sistem ini hendaklah dihidupkan kembali selaras dengan tuntutan semasa bagi mengekalkan Negeri Kelantan yang terkenal sebagai pusat perkembangan ilmu agama, ulama' dan cendiakawan muslim. Dengan ini, Majlis Agama Islam Kelantan dan kerajaan negeri perlu mengambil langkah segera mewarisasikan tanggungjawabnya.

BIBLIOGRAFI

Abdullah Alwi bin Haji Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.

Abdullah Basmih, *Tafsir Pimpinan al-Rahma*, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1996.

Nakula, Abdullah b Mohamed, *Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 1981.

Abdullah bin Abdul Razak, *Sejarah Ringkas al-Ma'had al Muhammadi Lil Banat dalam al-Nur*, Sekolah Menengah Agama (Arab) Kerajaan Kelantan Ma'ahad Muhammadi Lil Banat, Jalan Merbau, Kota Bharu, Kelantan, 1989.

Abdullah Latiff Hamidon, *Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu Tamadun Melayu, Jilid II*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1989.

Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, Nik, *Islam di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.

Islam dan Masyarakat Kota Bharu di antara tahun 1900 – 1933, Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah di Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.

Abdul Halim, *Pendidikan Islam di Kelantan Dalam Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, (ed) Prof. Khoo Kay Kim, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Johor, Kota Bharu, Kelantan, 1982.

Pendidikan Islam di Kelantan Sejarah Masyarakat Melayu Modern, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985.

Tokoh dan Pemikiran Tok Kenali, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.

Abdul Halim Haji Mat Diah, Dr., *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, Angkatan Belia Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1989.

El-Muhammady, Abdul Halim, Prof. Madya Dr., *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, Dewan Pustaka Islam, Petaling Jaya, Selangor, 1991.

Abdul Razak bin Mohammad, *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan, (1)*. Penerbitan al-Fikir, Jalan Bayan, Kota Bharu, Kelantan, 1992.

_____, *Halaqat Kitab di Masjid Muhammadi Pengasuh Bilangan 515*, November, 1991, Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.

_____, *Pelajaran Tata Rakyat Negeri Kelantan (2)*, Penerbitan al-Fikir, Jalan Bayan, Kota Bharu Kelantan, 1993.

_____, *Yang Dipertua Majlis Sejak 1915 dalam Pengasuh Bil. 516*, Keluaran Disember, 1991 Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, 1991.

_____, *Tujuh Puluh Lima tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Warisan Kelantan*, jilid XI, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Jalan Hospital, Kota Bharu, Kelantan, 1991.

_____, *Halaqat Kitab Di Masjid Muhammadi*, dalam Warisan Kelantan XIII, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Jalan Hospital Kota Bharu, Kelantan.

Audah, Abdul Qadir, *Al-Islam Baina Jahli Abnaihi Wa Anzi Ula Maihi*, Muasasah al-Risalah, Beirut, 1985.

Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa, *Falsafah dan Konsep Pendidikan*, Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam, 1994.

Al-Abrashyi, Muhammad, *Atiyyah, Mazahib Wa Syakhiyyat al-Tarbiyah al-Islamiyyah*, al-Dar al-Qaumiy li al-Tiba'ah Wa al-Nasyr, Mesir, 1964.

Muhammad bin Yunan, *Biografi Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan Tahun 1979 hingga 1988*, Yayasan Islam Kelantan, Kota Bharu, 1988.